

13/07/2001

`Penyair perlu pelbagai penyampaian puisi'

KUALA LUMPUR, Khamis - Penyair perlu mengambil langkah segera mempelbagaikan kaedah penyampaian puisi secara kontemporari, sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masa kini.

Pengarah Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Ismail Abdullah, berkata belum ada usaha di kalangan penyair tempatan untuk memperkenalkan e-puisi yang memuatkan maklumat terkini mengenai karya dan kegiatan mereka.

"Sehingga hari ini penyair Malaysia belum lagi mempunyai portal mereka sendiri sedangkan kehadiran Internet wajar dimanfaatkan sepenuhnya demi kebaikan dunia sastera tanah air," katanya.

Beliau adalah seorang daripada peserta program Kembara Puisi IPT 2001 anjuran Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) yang akan berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 17 Julai ini.

Program kali keenam bertema Suara Nurani Jati Diri Bangsa mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (Makum), USM dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat).

Dr Ismail akan mendeklamasikan puisi berjudul Bumi Ini Tanah Ini dan Jangan Apa-apa Benderaku yang membawa mesej semangat patriotisme dan kecintaan kepada negara yang semakin pudar di kalangan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, amat penting bagi sastera untuk mempunyai hubungan dengan institusi lain seperti seni bina, alam sekitar, seni visual, hiburan dan sukan agar masyarakat lebih menghargainya.

"Di Malaysia, hubungan sastera hanya dapat dilihat dengan muzik manakala bersama politik sedang membenih melalui usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang cenderung mendeklamasikan puisi," katanya.

Dalam sukan, katanya, penggunaan slogan dengan kata-kata puitis boleh dimanfaatkan bagi mendorong atlet lebih aktif dan berusaha lebih bersungguh-sungguh.

(END)